



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA 2015 *MEKANIKAL*

| | | |
|--------|---|---------------------|
| KOD | : | PJM02 |
| SUBJEK | : | PENGURUSAN WOKSYOP |
| TARIKH | : | 7 SEPTEMBER 2015 |
| MASA | : | 2.00 PTG - 5.00 PTG |

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJM02 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

Berdasarkan kepada Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Pekeliling Perpendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Aset Alih terbahagi kepada **dua (2)** kumpulan iaitu Harta Modal dan Inventori. Merujuk kepada pekeliling tersebut;

- a) Apakah maksud Harta Modal dan berikan **dua (2)** contoh aset berkenaan.

(6 markah)

- b) Apakah maksud Harta Inventori dan berikan **dua (2)** contoh aset berkenaan.

(6 markah)

- c) Apakah borang yang digunakan bagi merekodkan Harta Modal dan Inventori?

(2 markah)

- d) Terangkan secara ringkas **tiga (3)** objektif pendaftaran aset.

(6 markah)

SOALAN 2

- a) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 adalah peraturan berkaitan dengan pengurusan kenderaan kerajaan. Berdasarkan pekeliling tersebut terangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- i) Buku Log
 - ii) Kad Inden
 - iii) Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
 - iv) Kenderaan Jabatan
 - v) Kenderaan Kerajaan

(10 markah)

- b) Pegawai Kenderaan perlu memastikan Buku Log Kenderaan digunakan dan diselenggara dengan baik. Nyatakan **lima (5)** perkara/butiran buku log yang perlu dikemas kini oleh Pegawai Kenderaan.

(10 markah)

SOALAN 3

Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk mempermudahkan Tatacara Pengurusan yang sedang berkuat kuasa pada masa kini. Merujuk kepada pekeliling tersebut;

- a) Nyatakan **empat (4)** faedah yang diperolehi melalui Pengurusan kawalan stor yang cekap dan berkesan.

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas maksud bagi perkara-perkara berikut:

- i) Paras Stok Maksimum
- ii) Paras Menokok Stok
- iii) Paras Stok Minimum

(6 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- c) Senaraikan **tiga (3)** fungsi utama Unit Stor.

(6 markah)

SOALAN 4

- a) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 adalah bertujuan memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (Agensi) mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan. Berdasarkan surat pekeliling tersebut, sila terangkan perkara-perkara berikut:

- i) Tafsiran/maksud bagi Pembelian Terus.

(2 markah)

- ii) **Lima (5)** kaedah dan syarat perolehan serta kelonggaran perlaksanaan perolehan bagi had nilai melebihi RM 20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun atau sesuatu kontrak.

(10 markah)

- b) Jelaskan **empat (4)** asas penilaian sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan atau kerja mengikut arahan yang telah ditetapkan di dalam Lampiran 1 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 (Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Sebutharga).

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Nyatakan fungsi utama penggunaan Peralatan Perlindungan Peribadi (*PPE*) berikut:
- i) Pelindung mata jernih dan gelap (*safety googles*)
 - ii) Sarung tangan Tugas Berat (*leather gloves*)
 - iii) Pelindung telinga (*ear plug*)
 - iv) Pelindung pernafasan (*face mask*)
 - v) Apron

(10 markah)

- b) Terangkan amalan kerja yang baik dan selamat semasa melaksanakan perkara-perkara berikut:
- i) Mengangkat beban atau benda berat dengan menggunakan tangan.
 - ii) Melakukan kerja dengan menggunakan *Overhead Crane*.
 - iii) Bekerja di stor simpanan bahan api atau tempat simpanan bahan mudah terbakar.
 - iv) Melakukan kerja-kerja mencanai, menggerudi atau meracik.
 - v) Mengendalikan sebarang peralatan kuasa atau mesin.

(10 markah)

SOALAN 6

- a) Penyelenggaraan ke atas sesebuah kenderaan adalah amat penting dan perlu dilakukan secara teratur. Nyatakan **empat (4)** kepentingan penyelenggaraan kenderaan.

(8 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- b) Terangkan secara ringkas maksud bagi setiap konsep penyelenggaraan berikut dan berikan **satu (1)** contoh kerja yang berkaitan:
- Penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*)
 - Penyelenggaraan Berkala (*Periodic Maintenance*)

(6 markah)

- c) Nyatakan sela masa/jangkamasa yang disyorkan bagi kerja-kerja penyenggaraan/servis (kereta saloon) berikut:
- Penukaran minyak pelincir (jenis *Mineral Oil*).
 - Penukaran bendalir transmisi/minyak *gearbox*
 - Penukaran bendalir brek

(6 markah)

SOALAN 7

- a) Terangkan secara ringkas prosedur untuk penggantian bateri baru pada kenderaan.
- (10 markah)
- b) Penjagaan bateri yang baik dapat memanjangkan jangka hayatnya. Nyatakan dengan ringkas **enam (6)** kaedah penjagaan bateri jenis *Lead Acid Battery* yang boleh anda syorkan.
- (6 markah)
- c) Elektrolit bateri (asid) adalah merupakan bahan kimia yang bersifat menghakis serta mengeluarkan gas yang merbahaya kepada kesihatan. Nyatakan **empat (4)** langkah keselamatan yang perlu diambil semasa mengendalikan bahan tersebut.
- (4 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan **lima (5)** jenis pemeriksaan dan penilaian kenderaan yang dilaksanakan oleh Woksyop Jabatan Kerja Raya dan tujuannya.

(10 markah)

- b) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1985 (Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia), nyatakan **lima (5)** tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan / Pegawai Yang Diberi Kuasa sekiranya kenderaan Kerajaan terlibat dalam kemalangan.

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Semasa anda memandu kenderaan di jalan raya, anda dapati stereng kenderaan bergegar. Berdasarkan kepada masalah yang anda hadapi, nyatakan **empat (4)** kemungkinan sebab utama kerosakan tersebut.

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas **dua (2)** fungsi tayar bagi sesebuah kenderaan.

(8 markah)

- c) Nyatakan penyebab utama bagi masalah kehausan tayar berikut:

- i) Kesan haus berlebihan di bahagian tepi kiri dan kanan bunga tayar.
- ii) Kesan haus berlebihan di tengah-tengah bunga tayar.

(4 markah)

SOALAN 10

- a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 : Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa, sesebuah kenderaan layak untuk mendapat Sijil Perakuan Pelupusan sekiranya memenuhi dua (2) daripada tiga (3) faktor pelupusan iaitu tempoh penggunaan, jarak perjalanan dan tahap penyampaian perkhidmatan.
- i) Terangkan dengan jelas maksud tahap penyampaian perkhidmatan kenderaan ringan yang melayakkannya dilupuskan. *(3 markah)*
- ii) Terangkan dengan jelas maksud tahap penyampaian perkhidmatan kenderaan berat yang melayakkannya dilupuskan. *(3 markah)*
- iii) Nyatakan tempoh penggunaan (minimum) dan jarak perjalanan (minimum) yang melayakkan kereta saloon dan bas dilupuskan. *(4 markah)*

- b) Seorang kakitangan awam bercadang untuk membeli kenderaan terpakai seperti yang dinyatakan di bawah dengan menggunakan pinjaman kerajaan. Kirakan anggaran harga penilaian dan tempoh ekonomi kenderaan ini.

Jenis/Model Kenderaan : Toyota Altis 1.8E(A)

Tahun Dibuat : 2009 (Usia 6 tahun)

Harga Pembelian Asal : RM 98,000.00

Harga Baru Semasa : RM 108,000.00

Kadar Selepas Susut Nilai : 59 %

(10 markah)
